

UMP: Menuju ke arah bertaraf dunia



**Wawancara bersama Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang, Profesor
Datuk Dr. Mohd Said Mat Lela.**

MUKADIMAH:
*Universiti Malaysia Pahang
(UMP) merupakan salah
sebuah institusi pengajian
tinggi awam (IPTA) yang
mempunyai wawasan yang*

*tinggi untuk meningkatkan bidang pembelajaran anak-anak
bangsa dan juga masyarakat sekeliling terutamanya dari segi
sosioekonominya.*

Wartawan Kanan, Zulkhairil Zainuddin telah menemu bual Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohd Said Mat Lela untuk mengetahui matlamat dan wawasan UMP untuk menjadi sebuah universiti terbaik bertaraf dunia.

SOALAN: Bolehkan Datuk terangkan serba sedikit tentang sejarah penubuhan Universiti Malaysia Pahang?

Jawapan: Pertukaran nama ini telah pun dibincangkan dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) oleh semua enam buah Kolej Universiti (KU) sejak tahun 2004 lagi. Ini kerana persepsi dari masyarakat bahawa semua Kolej Universiti pada masa itu adalah 'universiti kelas kedua' dan ada yang menyatakan bahawa Kolej Universiti ini adalah Kolej Swasta dan bukannya IPTA.

Setelah lima tahun beroperasi, pihak Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pertukaran nama KUKTEM kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkuat kuasa 1 Februari 2007 akibat daripada kekeliruan masyarakat mengenai nama Kolej Universiti itu sendiri. Perubahan ini hanyalah pada nama sahaja dan UMP juga masih mendukung Visi, Misi, Falsafah dan Nilai Teras KUKTEM dahulunya.

Penubuhan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTMKCP) yang beroperasi di sebuah kampus yang terletak di Bandar Indera Mahkota, Kuantan sejak tahun 1999. Penubuhan universiti ini adalah hasil daripada cetusan idea Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan Malaysia. Hasil daripada usaha gigih beliau, Jemaah Menteri pada 26 Jun 2001 telah membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Universiti Teknikal Awam yang berasaskan kemahiran di Negeri Pahang Darul Makmur dan dinamakan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM).

KUKTEM adalah sebuah institusi pengajian tinggi awam ke-16 yang diwartakan pada 16 Februari 2002 dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Atas arahan Kementerian Pendidikan, kampus UTMKCP telah diambil alih dan dijadikan kampus sementara KUKTEM pada 1 Mei 2002.

SOALAN: Peranan UMP membangunkan kawasan persekitaran?

Jawapan: Gambang merupakan kawasan yang terletak di dalam daerah Kuantan dan

merupakan salah satu pintu masuk ke negeri Pahang melalui Lebuh raya Pantai Timur (LPT). Kerajaan negeri Pahang telah pun mengisytiharkan bahawa Gambang akan muncul sebagai Pusat Bioteknologi Pantai Timur kerana kedudukan Gambang yang sangat strategik di samping kekayaan sumber alam yang ada di Pahang. Faktor utama yang menjadikan Gambang sebagai pusat bioteknologi adalah dengan tertubuhnya UMP.

UMP berperanan dalam menawarkan kepakaran di dalam bidang bioteknologi khususnya dalam bidang bioteknologi industri untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Dengan pakar-pakar bioteknologi yang ada, para usahawan juga mendapat manfaat daripada teknologi bioteknologi yang dapat diaplikasikan dalam perniagaan mereka.

Peranan UMP dalam menyediakan Pelan Induk Bioteknologi Negeri Pahang bersama-sama IPT dan Pusat Penyelidikan lain. Kerajaan Negeri Pahang dan agensi yang berkaitan (UPEN, PKNKP dan lain-lain) boleh memulakan inisiatif biotek dengan menjadikan Gambang sebagai 'Biotech Park' seperti Gebeng sebagai 'Petrochemical Hub' dengan menggunakan kemudahan dan kepakaran yang ada di UMP. Menarik pelabur asing dan tempatan membuka syarikat dan kilang mereka di Gambang Biotech Park. Menyediakan peluang usahawan bumiputera menceburi bidang biotek dengan membuka perusahaan berkaitan dengan biotek di Gambang Biotech Park.

Kekuatan UMP yang unik ialah ditubuhkan sebagai sebuah IPTA yang memfokuskan kepada bidang petrokimia, pembuatan, automotif dan bioteknologi di samping berada di Kuantan Pahang yang dikelilingi industri berasaskan bidang fokus. Kewujudan UMP yang terletak di dalam koridor Timur meliputi Kelantan dan Terengganu mempunyai peranan besar selaku sebuah institusi peringkat tinggi. Antara tanggungjawab UMP ialah menyediakan keperluan modal insan dalam bidang kritikal sejajar dengan usaha untuk mencapai matlamat yang digariskan kerajaan.

UMP juga telah mengambil langkah membangunkan satu sistem untuk membangunkan insaniah dan boleh dinilai iaitu Kemahiran Insaniah (Softskill). Softskill adalah kemahiran keinsanan yang berhubung dengan pembangunan personaliti yang baik, profesional, integriti dan berupaya berinteraksi dengan berkesan ke arah penyediaan tenaga

profesional yang menjadi agen pembentukan dan pembangunan masyarakat.

Bidang perindustrian kini memerlukan bakal pekerja yang mempunyai keterampilan dalam bidang teknikal dan personaliti yang baik lagi berdaya saing. Faktor kewibawaan

BIODIESEL

SOALAN: Apakah kelebihan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di Universiti Malaysia Pahang berbanding pusat pengajian yang lain?

Jawapan: Penyelidikan di UMP berasaskan penyelidikan gunaan (applied research) dan projek-projek industri (industrial projects) di mana sesuatu penyelidikan haruslah mempunyai kebolehan untuk digunakan, dikomersialkan dan menyumbangkan kepada pembangunan insan dan alam sekitar.

Terdapat 5 fakulti utama di UMP dan setiap fakulti menjalankan penyelidikan yang dijalankan di UMP adalah sejajar dengan wawasan dan kepentingan negara untuk masa kini dan masa depan. Sebagai contoh, di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, mereka menjalankan penyelidikan penghasilan bahan tambah nilai seperti penghasilan antibodi, pengekstrakan sumber asli seperti herba dan pengeluaran bahan bakar, biodiesel daripada minyak masak terpakai.

SOALAN: Apakah contoh projek yang sedang dibuat di UMP?

Jawapan: Di UMP, kami berhasrat untuk menjadi universiti mesra alam yang pertama 'First Green University' di Malaysia dengan menggunakan biodiesel daripada minyak masak terpakai yang dihasilkan oleh penyelidik UMP sendiri. Projek ini dapat mengurangkan ketergantungan terhadap bahan bakar fosil yang harganya tidak stabil.

UMP mempunyai 'pilot plant' di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli yang berupaya menghasilkan biodiesel untuk kegunaan kenderaan UMP. Bukan sahaja kemudahan untuk menghasilkan biodiesel, malah UMP juga mempunyai makmal yang lengkap dengan kemudahan untuk menganalisa biodiesel dan sumber asli yang lain. Projek ini sangat baik kerana ia bukan sahaja menghasilkan bahan bakar yang lebih mesra alam dan boleh diperbaharui, malah projek ini mendedahkan kepada komuniti tentang kesan tadbirurus bahan cemar yang tidak betul.

Minyak masak terpakai selalunya dijadikan bahan asas untuk penghasilan minyak pelincir ataupun kebanyakannya dibuang di longkang. Pembuangan minyak masak terpakai di longkang akan mencemarkan sumber air dan menghasilkan bau yang kurang menyenangkan hasil proses fermentasi. Oleh itu, penyelidikan-penyelidikan di UMP mengambil langkah alternatif dengan menggunakan minyak masak terpakai ini untuk menghasilkan biodiesel. Penggunaan minyak masak terpakai juga dapat mengurangkan kos pengeluaran. Ini kerana, pengeluaran biodiesel secara konvensional adalah menggunakan minyak masak sayuran yang mahal harganya dan merupakan satu sumber makanan.

Selain itu, ia juga dapat mewujudkan

graduan yang sering dipertikaikan adalah ketidakterampilan mereka dalam aspek Softskill. Justeru, UMP telah pun mengambil langkah proaktif untuk melengkapkan bakal graduan dengan kemahiran softskill selari dengan kehendak industri.

sumber pendapatan (income) kepada pengitarsemula dan juga penduduk persekitaran. Malah, pelajar di UMP sendiri bersama menyertai projek ini dengan mengumpulkan dan menjual minyak masak terpakai untuk kegunaan projek ini. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan latihan keusahawanan kepada mereka.

SOALAN: Apakah perkembangan projek penghasilan biodiesel daripada minyak masak terpakai di UMP?

Jawapan: Buat masa ini, terdapat sebuah syarikat dan sebuah pertubuhan, Persatuan Usahawan Bumiputera, berminat untuk mengomersialkan projek ini di mana UMP memainkan peranan sebagai pembekal teknologi dan perunding kepada syarikat dan persatuan tersebut.

Bukan itu sahaja, UMP berhasrat mengaplikasikan penghasilan biodiesel daripada minyak masak terpakai di seluruh Pahang. UMP juga berhasrat untuk menjadikan Pahang sebagai negeri mesra alam. Kita bercadang untuk mendirikan pusat pengumpulan minyak masak terpakai di seluruh negeri Pahang dan menubuhkan 'Biodiesel Plant' di setiap Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran bagi menghasilkan biodiesel untuk kegunaan kenderaan mereka seperti di UMP. Projek ini bukan sahaja menjimatkan kos bahan api, malah ia lebih mesra alam dengan kos pengeluaran yang murah dan penghasilan bahan bakar yang boleh diperbaharui.

Status Terkini Kampus UMP di Kuala Pahang, Pekan

SOALAN: Bolehkah Datuk memberi maklum balas tentang kampus tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan. Bilakah ia akan mula beroperasi?

Jawapan: Kampus Tetap UMP yang terletak di Mukim Kuala Pahang, Pekan sedang dalam proses pembinaan. Kampus seluas 745 ekar itu yang boleh menampung sehingga 20,000 pelajar diharapkan akan dapat menjadi pemangkin bukan sahaja bagi pembangunan ekonomi di daerah Pekan, malah seluruh negeri Pahang dan kawasan Pantai Timur amnya. Majlis peletakan batu asas kampus tetap UMP telah disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada 2 November 2002. Majlis Pelancaran Pembinaan Kampus Tetap UMP pula telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 30 Jun 2007 yang lalu.

Kampus ini dijangka mula beroperasi pada tahun 2009. dua fakulti akan dibina terlebih dahulu iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Kedua-dua fakulti ini dijangka akan berpindah pada 2009. perancangan pembangunan kampus tetap ini akan berlanjutan sehingga Rancangan Malaysia Kesebelas.